



**SISTEM ePEROLEHAN
PEROLEHAN SECARA TENDER / SEBUT HARGA**

KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

KENYATAAN TAWARAN

TARIKH IKLAN : 14 Oktober 2022 (Jumaat)

Tender adalah dipelawa daripada Pembekal-pembekal yang berdaftar dengan **Kementerian Kewangan Malaysia** dalam kod bidang **060101** untuk mengambil bahagian di dalam tender berikut:-

| BUTIR-BUTIR TAWARAN | JADUAL T/P&P | TARIKH/MASA/ TEMPAT TAKLIMAT/LAWATAN TAPAK (Kehadiran Taklimat/Lawatan Tapak DIWAJIBKAN) | KAEDAH PEROLEHAN |
|--|-----------------------------|--|-----------------------------|
| Tawaran Tender Pembekalan Reagen Dan Konsumabel Dengan Penempatan Peralatan Bagi Ujian CD4/CD8 <i>Enumeration</i> Untuk Kegunaan Jabatan Patologi Dan Fasiliti Kementerian Kesihatan Malaysia Bagi Tempoh Empat (4) Tahun No. Tender : QT22000000035166 | 130/2022 | Tarikh : 17 Oktober 2022 (Isnin) Masa : 11.00 pagi Tempat : Diadakan secara atas talian Pautan : https://meet.google.com/dmi-yvxa-cfn | Secara ePerolehan |

Telecenter:

**Bahagian Perolehan dan Penswastaan,
Kementerian Kesihatan Malaysia,
Aras 7, Blok E7, Kompleks E, Presint 1,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62590 PUTRAJAYA
No. Telefon : 03-8883 3022**

Dokumen Tender boleh disemak mulai **14 Oktober 2022 (Jumaat)** dengan melayari **www.eperolehan.com.my**.

Pembekal yang ingin menyertai tender ini mestilah ePerolehan *enabled*. Sistem ePerolehan mempelawa pembekal secara **Auto Invite** dan hanya pembekal yang mempunyai kod bidang berkenaan sahaja layak menyertai tender tersebut.

Cadangan Teknikal dan Cadangan Kewangan yang lengkap hendaklah dikunci masuk (*key-in*) ke dalam sistem ePerolehan pada atau sebelum **7 November 2022 (Isnin), jam 12.00 tengah hari**. Semua dokumen pelawaan, dokumen tawaran dan dokumen sokongan hendaklah dikemukakan secara elektronik dan penyerahan **dokumen secara manual adalah tidak dibenarkan**. Penyerahan secara manual hanya dibenarkan bagi sampel sahaja (jika berkenaan). Pihak tuan adalah dimohon untuk mematuhi Pekeliling Perbendaharaan (PP)/Perolehan Kerajaan (PK) perenggan 8(x)(b)(5) dibaca bersama PP/PK2.1 Garis Panduan Penilaian Tender – Perenggan 16(b)(vii) dan PP/PK5.1 perenggan 5.1.3(x)(3) dibaca bersama PP/PK5.1 Lampiran 4 perenggan 9 yang memberi maksud untuk **TIDAK memaparkan nama syarikat pada dokumen teknikal**.

Tawaran yang lewat tidak akan diterima.

Kementerian Kesihatan Malaysia tidak terikat untuk menerima tawaran yang terendah ataupun sebarang tawaran.

Syarikat/Firma/Koperasi/Pemilikan Tunggal* hendaklah mengambil perhatian bahawa setiap transaksi bagi kontrak yang melibatkan hanya sekali bayaran (*one-time payment*) melalui sistem ePerolehan akan dikenakan fi perkhidmatan pada kadar sebanyak 0.8% dengan had maksimum RM9,600 bagi transaksi yang bernilai RM1.2 juta atau lebih;

Atau

Setiap transaksi bagi kontrak yang melibatkan beberapa kali pembayaran (*multiple payment*) melalui sistem ePerolehan akan dikenakan fi perkhidmatan sebanyak 0.4% dengan had maksimum RM4,800 bagi pesanan bernilai RM1.2 juta atau lebih.

*Yang mana berkenaan

Ketua Setiausaha,
Kementerian Kesihatan Malaysia.